

15/08/2008 : Tuntutan rebat subsidi petrol dalam talian

(Source - www.bharian.com.my)

PEMILIK kenderaan yang layak mendapatkan rebat tunai bagi subsidi petrol kini boleh membuat tuntutan rebat tunai itu dalam talian.

Ini susulan kerjasama yang dijalinkan Pos Malaysia Bhd, ejen yang dilantik kerajaan untuk membayar rebat berkenaan, dengan firma penyedia perkhidmatan e-Kerajaan Malaysia, MY E.G. Services Bhd (MYEG).

Berikutan kerjasama itu, pemilik kenderaan yang mahu membuat tuntutan rebat berkenaan hanya perlu melayari portal MYEG di www.myeg.com.my.

MYEG dalam kenyataannya berkata, menerusi kerjasama itu, Pos Malaysia akan terlebih dulu membuat pengesahan tuntutan pemilik kenderaan sebelum membuat pembayaran kepada pemilik kenderaan yang layak.

Katanya, pembayaran akan dibuat menerusi wang pos dalam tujuh hari bekerja, atau mengkreditkan ke dalam akaun bank dalam tiga hari bekerja.

Pemilik kenderaan juga boleh menyemak status rebat tunai subsidi petrol mereka bila-bila masa menerusi portal MYEG, katanya.

Mengulas kerjasama dengan Pos Malaysia itu, Pengerusi Eksekutif MYEG, Datuk Dr Norraesah Mohamad, berkata perkhidmatan baru itu tambahan terhadap perkhidmatan pembaharuan cukai jalan dalam talian yang diperkenalkan April lalu.

Beliau berkata, menerusi inisiatif terbaru itu, pemilik kenderaan yang layak kini boleh memperbaharui cukai jalan mereka dan menyerahkan tuntutan rebat tunai bagi subsidi petrol itu secara serentak menggunakan rangkaian secara dalam talian itu.